

Bil. S 26

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH MENDAPATKAN KEMBALI ASET JENAYAH (PINDAAN), 2020**

**SUSUNAN BAB-BAB**

Bab

1. Gelaran
  2. Pemasukan bab 139A baru ke dalam S 37/2013
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH MENDAPATKAN KEMBALI ASET JENAYAH (PINDAAN), 2020**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah (Pindaan), 2020.

**Pemasukan bab 139A baru ke dalam S 37/2013**

2. Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012 adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 139 bab baru yang berikut —

**“Komposisi Kesalahan**

139A. (1) Autoriti boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut dari seseorang yang dengan munasabah disyaki telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi separuh daripada denda maksimum yang ditetapkan untuk kesalahan itu.

(2) Selepas jumlah wang yang disebut dalam ceraian (1) dibayar, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang yang berkaitan dengan kesalahan itu.

(3) Autoriti boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

(4) Semua jumlah wang yang dipungut oleh Autoriti di bawah ceraian (1) hendaklah dibayar kepada Autoriti”.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1441 bersamaan dengan 30 haribulan April, 2020 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**